

CNS3855

U PB 09-10 00187 BA002

BAH

Mahathir - UMNO

PERLEMBAGAAN UMNO DIPINDA UNTUK PASTIKAN MESYUARAT TIDAK TERGANGGU

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perlembagaan dan peraturan parti itu akan dipinda bagi menghalang golongan yang tidak bertanggungjawab menggagalkan mana-mana mesyuarat UMNO pada masa depan.

Katanya, pindaan yang dicadangkan akan memastikan golongan yang tidak bertanggungjawab itu tidak mempunyai peluang untuk mendakwa sesuatu mesyuarat tidak sah kerana dihadiri anggota yang muflis atau bukan anggota parti hanya selepas mereka kalah dalam pertandingan merebut sesuatu jawatan.

"Kita tidak hendak orang yang sengaja membawa orang yang muflis atau orang yang bukan anggota ke dalam mesyuarat supaya kalau dia kalah apa-apa pertandingan kemudian, dia akan mendakwa bahawa mesyuarat itu tidak sah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Oleh itu, katanya, pindaan yang dicadangkan akan menetapkan bahawa semua bantahan mengenai sesuatu mesyuarat yang hendak diadakan perlu dibuat sebelum mesyuarat berkenaan bermula.

Ini bermakna sebarang bantahan yang dibuat selepas sesuatu mesyuarat selesai tidak lagi akan dilayan, katanya. -- Lagi.

▼09/10/16-06MST

U PB 09-10 00144 BA003

BAH

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, pindaan itu terpaksa dibuat kerana sudah terdapat anggota parti yang sengaja membawa anggota muflis atau bukan anggota ke dalam sesuatu mesyuarat dengan tujuan menggunakan kehadiran mereka untuk menggagalkan mesyuarat apabila mereka tewas dalam pertandingan.

"Ini sengaja dia buat...jadi kalau dia hendak buat dakwaan (bahawa ada anggota yang tidak layak turut menghadiri mesyuarat itu), dia mesti dakwa awal-awal lagi," katanya.

Dengan itu, katanya, mereka yang tidak layak menghadiri mesyuarat berkenaan boleh diminta untuk meninggalkan mesyuarat serta-merta.

Bagaimanapun, katanya, dakwaan bahawa seseorang anggota itu tidak layak menghadiri sesuatu mesyuarat parti hendaklah dibuat berasaskan bukti yang kukuh.

Ini, katanya, bagi memastikan tidak ada mana-mana anggota parti mengambil kesempatan membuat dakwaan kononnya ada orang yang tidak layak menghadiri sesuatu mesyuarat dengan tujuan untuk menghentikan mesyuarat berkenaan. -- Lagi.

▼09/10/16-10MST

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, MT juga membuat keputusan memecat lapan anggotanya yang membawa kes parti ke mahkamah selaras dengan Perkara 18.3 Perlembagaan UMNO.

Ini bermakna lima anggota UMNO dari Perak, dua dari Pulau Pinang dan seorang dari Kelantan dipecat kerana membawa kes parti ke mahkamah baru-baru ini.

Berdasarkan laporan akhbar lepas, anggota UMNO dari Perak yang terbabit ialah Zaimi Mohamed Noor (Cawangan Kampung Pulau Tiga), Mohamed Disa Mat Aras (Cawangan Kampung Pulau Tiga) dan Ishak Sapar (Cawangan Lubuk Katak), ketiga-tiganya dalam Bahagian Tapah serta Ahmad Murad Zohudi (Cawangan Changkat Larang) dan Yeop Kamarudin Yang (Cawangan Kampung Sri Indah), kedua-duanya dalam Bahagian Batu Gajah.

Dari Pulau Pinang pula ialah Ishak Mohamed (Cawangan Mak Mandin dan Mohamed Suhaimy Abdul Samad (Cawangan Kampung Perlis), kedua-duanya dalam Bahagian Bagan.

Seorang lagi yang dipecat ialah Ariff Mansor daripada UMNO Cawangan Khatib Ali, Pengkalan Chepa, Kelantan. -- Lagi.

CNS3905

U PB 09-10 00177 BA010

BAH

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kelapan-lapan anggota UMNO yang dipecat itu boleh membuat rayuan kepada MT tetapi mereka tidak akan mendapat pertimbangan yang mudah.

Ketika diminta mengulas lanjut keputusan-keputusan MT itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata, sebuah jawatankuasa akan ditubuh untuk mengkaji perlembagaan dan peraturan parti berhubung bantahan terhadap sesuatu mesyuarat.

Katanya, pindaan itu dijangka hanya dapat dilaksanakan tahun depan kerana masa terlalu suntuk untuk dibentangkan pada Perhimpunan Agung UMNO yang akan dilangsungkan dalam tempoh 26 hari sahaja.

Mengenai keputusan memecat lapan anggota parti itu, beliau berkata, ia dibuat kerana perbuatan mereka yang membawa masalah parti ke mahkamah untuk membantah keputusan majoriti selepas sesuatu mesyuarat semakin meningkat tahun ini berbanding sebelumnya.

Dengan itu, katanya, MT membuat keputusan supaya perbuatan sedemikian dihentikan segera agar tidak merebak dan menghancurkan parti pada masa depan.

Katanya, selain lapan anggota itu, MT juga akan memecat mereka yang menjadi dalang atau penyokong di sebalik tindakan anggota berkenaan. -- Bernama.

AH AZZ HK KAM.

▼09/10/17-16MST

CNS3841

U GB 09-10 00145 BA000

BAH

UMNO SAMPAI TAKZIAH KEPADA KELUARGA KPL MAT AZNAN

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini menyedekahkan al-Fatihah kepada Allahyarham Kpl Mat Aznan Awang yang terkorban dalam pertempuran di Somalia Ahad lalu di samping menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Anggota Majlis Tertinggi UMNO sebelum memulakan mesyuarat meluangkan waktu menyedekahkan al-Fatihah buat Allahyarham.

Perdana Menteri, yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat lebih daripada tiga jam itu bertolak ke Kedah untuk menziarah keluarga Allahyarham.

Jenazah Kpl Mat Aznan yang tiba dari Mogadishu telah selamat dikebumikan di Parit Panjang, Kedah pagi tadi.

Sementara itu, Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik turut menyampaikan ucapan takziah parti itu kepada keluarga Allahyarham.

Dalam kenyataannya Dr Ling berkata: "Rakyat Malaysia menyanjung tinggi pengrobanan beliau". -- Bernama.

HK KAM.